

- | | |
|-------------------------|---------------------|
| • mengetengahkan konsep | • pencemaran alam |
| • formula baharu | • sokongan padu |
| • kualiti udara | • warisan alam |
| • menenangkan fikiran | • hutan batu |
| • perancang bandar | • keseimbangan alam |
| • ciptaan Tuhan | • menaikkan nama |
| • projek pembangunan | • bahan api |
| • keindahan alam | • mengikut acuan |
| • masyarakat dunia | • penduduk setempat |

Rangka Karangan

Pendahuluan

kemajuan dalam aspek pembangunan dan perancangan bandar telah berjaya menemukan satu _____ untuk mengekalkan kelestarian _____ – konsep bandar dalam taman menjadi satu unsur penting – contohnya, pembangunan di Shah Alam dan di Putrajaya – _____ berebut-rebut mahu _____ bandar hutan – menukar wajah _____ yang kaku – membuktikan kesungguhan negara ini untuk merealisasikan konsep bandar yang mesra alam

Isi-isi Penting

1. menjaga _____ dan ekosistem dengan efektifnya – kadar penebangan hutan dan pertumbuhan hutan dijaga dengan baiknya oleh pihak yang membangunkan _____ – menjamin kehijauan alam _____ – pelan pembangunan sesuatu kawasan dirancang dengan telitinya – mengutamakan alam sekitar
2. mengurangkan _____ – sistem pengangkutan awam bersifat mesra alam – penggunaan _____ diminimumkan untuk menjaga _____ – menerusi pembinaan sistem transit aliran ringan – berupaya menghubungkan destinasi di sesuatu bandar dengan bandar lain dalam tempoh yang pantas – kurang asap kenderaan – udara tidak tercemar
3. menyediakan suasana kehidupan yang kondusif – demi keselesaan _____ – menggalakkan penanaman pokok di dalam bandar – persekitaran hijau dan sihat – aktiviti pembangunan dilakukan tanpa merosakkan keindahan alam semula jadi – landskap yang menarik bagi menggantikan binaan hutan batu – masyarakat kota dapat menikmati _____ – membantu _____ – menghilangkan _____ – kualiti kesihatan diri dan mental rakyat bertambah baik

Penutup

konsep bandar dalam taman perlu diwujudkan dengan lebih banyak – memberikan pelbagai faedah dari segi ekologi dan ekonomi – pembangunan negara ini hendaklah _____ kita sendiri – langkah sebegini berupaya _____ negara pada mata _____ – sokongan rakyat amat penting – pelaksanaan konsep bandar dalam taman amat memerlukan _____ seluruh rakyat Malaysia